

▲ UMS Jadi Penganjur Bersama Simposium Persatuan Mikrobiologi Malaysia Ke-31

KIRA-KIRA 200 peserta dari universiti tempatan dan antarabangsa telah menyertai Simposium Persatuan Mikrobiologi Malaysia (MSM) ke-31 yang berlangsung di Hotel Promenade Kota Kinabalu pada 13 Disember lalu.

Simposium yang bertemakan 'Microbiology Research in the Omics Era' itu telah dirasmikan oleh Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah. Hadir sama, Presiden MSM, Dr. Farah Diba Abu Bakar, Pengerusi penganjur, Prof. Madya Dr. Michael Wong dan Pengarah Institut Penyelidikan Borneo UMS, Prof. Madya Dr. Vijay Kumar.

Terdahulu, Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah dalam ucapan perasmianya berkata, MSM memainkan peranan penting dalam menyediakan medan kepada penyelidik tempatan untuk berkongsi idea dan sumber kajian yang telah dijalankan.

"Sebagai institusi pengajaran tinggi, UMS akan sentiasa bekerjasama dengan MSM. Malah UMS sendiri memainkan peranan penting dalam menawarkan penyelidikan yang canggih, pembangunan dan pengkomersilan serta

menghasilkan kepakaran sumber manusia dalam bidang mikrobiologi, selaras dengan aspirasi Dasar Bioteknologi Negara," katanya.

Menurut beliau, UMS telah menujuhkan pembangunan infrastruktur utama di kampusnya seperti '*Biosafety Level 3 (BSL3)*' dan '*Animal BSL3 (ABLS3)*' selain produk semula jadi dan makmal bioinformatik bagi mencapai aspirasi Dasar Bioteknologi Negara.

"Kemudahan dan kekayaan hasil bioteknologi di Sabah dijangka akan menerajui penyelidikan dan pembangunan sumber manusia dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan mikrobiologi," tambah beliau sambil mengalunkan kehadiran peserta dari dalam dan luar negara ke Sabah.

Beliau turut menyifatkan bahawa simposium yang julung kalinya diadakan itu mampu menjadi medium kepada pusat-pusat penyelidikan di dalam dan luar negara untuk berkongsi maklumat mengenai mikrobiologi terutamanya mengenai perkembangan platform omics dan bagaimana untuk menerajui bidang penyelidikan yang baru.